

## GAGASAN PATRIOTISME DAN KEPIMPINAN MELAYU ISLAM DALAM NOVEL ACUMAN MAHKOTA

NORAZAN MAT NOR  
Universiti Malaysia Kelantan  
[norazan833@gmail.com](mailto:norazan833@gmail.com)

CHE ABDULLAH CHE YA\*  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[cheabd@ukm.edu.my](mailto:cheabd@ukm.edu.my)

BURHAN CHE DAUD  
Universiti Malaysia Kelantan  
[burhan@umk.edu.my](mailto:burhan@umk.edu.my)

\*Pengarang Perantara

### ABSTRAK

Kajian ini menganalisis gagasan patriotisme dan kepimpinan Melayu Islam dalam novel *Acuman Mahkota* karya Abdul Kadir Adabi. Novel *Acuman Mahkota* sebagai sebuah teks sastera ideologis yang berperanan membentuk kesedaran politik dan nasionalisme Melayu pada awal abad ke-20. Kajian-kajian terdahulu lazimnya menafsirkan karya Abdul Kadir Adabi sebagai novel sejarah yang bersifat moralistik dan feudal, sekali gus mengabaikan dimensi politik serta kritikan ideologis yang terkandung di dalamnya. Justeru, kajian ini berusaha merapatkan jurang tersebut dengan meneliti bagaimana konsep patriotisme dan kepimpinan Melayu Islam diaplikasikan sebagai wacana alternatif terhadap kepimpinan feudal yang kolaboratif dengan kuasa kolonial British. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks berpandukan kerangka sosiopolitik dan pemikiran politik Islam. Tumpuan kajian kepada struktur naratif, pembinaan watak serta peristiwa penting dalam novel dengan menggunakan teori politik “Dua Ruang” Shamsul Amri Baharuddin. Dapatan kajian menunjukkan bahawa patriotisme dalam *Acuman Mahkota* tidak ditampilkan sebagai sentimen romantik cintakan tanah air semata-mata, sebaliknya sebagai kesedaran politik yang kritikal terhadap penjajahan dan pengkhianatan elit. Kepimpinan Melayu Islam pula digambarkan sebagai amanah moral dan Ilahi yang menuntut keadilan, integriti serta tanggungjawab terhadap rakyat. Novel ini turut mengemukakan kritikan jelas terhadap golongan elit feudal Melayu yang bersetongkol dengan kolonial kepentingan diri. Selain itu, golongan marhaen sebagai subjek politik berpotensi sebagai agen perubahan politik Melayu. Islam dilihat berfungsi sebagai asas legitimasi kepimpinan dan penyatuan nasionalisme Melayu. Justeru, novel *Acuman Mahkota* wajar dinilai semula sebagai teks penting dalam wacana nasionalisme dan pemikiran politik Melayu-Islam awal.

**Kata kunci:** Patriotisme; Kepimpinan Melayu Islam; *Acuman Mahkota*.

## THE CONCEPT OF PATRIOTISM AND MALAY MUSLIM LEADERSHIP IN THE NOVEL *ACUMAN MAHKOTA*

### ABSTRACT

This study examines the ideas of patriotism and Malay-Islamic leadership in *Acuman Mahkota*, a novel by Abdul Kadir Adabi, by positioning the work as an ideological literary text that functions as a medium for political thought and the formation of Malay nationalist consciousness in the early twentieth century. Previous studies have largely interpreted Abdul Kadir Adabi's works as historical novels that are moralistic and feudal in nature, thereby overlooking their political dimensions and ideological critiques. Consequently, a significant research gap exists in understanding *Acuman Mahkota* as a text that articulates critical responses to colonial domination and crises of Malay leadership. Employing a qualitative approach through textual analysis, this study draws upon sociopolitical frameworks and Islamic political thought to examine the novel's narrative structure, characterisation, and significant events. The findings reveal that patriotism in *Acuman Mahkota* is not portrayed merely as a romantic or emotional attachment to the homeland, but rather as a form of critical political consciousness directed against colonialism and elite betrayal. Malay-Islamic leadership is represented as a moral and divine trust grounded in principles of justice, integrity, and responsibility towards the people. The novel further advances a clear critique of the Malay feudal elite who collaborate with colonial interests, while simultaneously portraying the common people as political subjects with the potential to act as agents of social change. Islam functions as the foundational source of leadership legitimacy and as a unifying force for Malay nationalism. Overall, this study concludes that *Acuman Mahkota* warrants reassessment as a significant ideological text in the development of early Malay-Islamic nationalism and political thought.

**Keywords:** Patriotism; Malay Muslim Leadership; *Acuman Mahkota*.

### PENGENALAN

Teks-teks sastra kreatif seperti novel yang mengangkat persoalan sejarah pernah berada dalam suatu posisi puncak sebagai genre sastra yang sangat berpengaruh. Dalam konteks sejarah sastra Melayu moden, karya-karya awal abad ke-20 sering kelihatan sederhana dari segi bentuk dan gaya. Namun, ianya sarat dengan kegelisahan intelektual, sosial dan politik zamannya. Di sebalik naratif yang sinis, berlapik, dan penggunaan latar sejarah, karya-karya ini berfungsi sebagai ruang selamat bagi pengarang Melayu untuk menyuarakan keresahan terhadap penjajahan Barat. Ismail (2017) dan Hamdan (2023) berpendapat bahawa luahan tentang krisis kepimpinan tempatan, kelemahan elit feudal, dan nasib rakyat yang semakin terpinggir diungkap melalui naratif sastra dengan cara yang licik, halus, tetapi tetap berkesan dalam menyalurkan pemikiran politik dan kesedaran nasionalisme awal masyarakat Melayu.

Dalam konteks ini, Abdul Kadir Adabi muncul bukan sekadar sebagai pengarang sejarah, tetapi sebagai intelektual Melayu yang sensitif terhadap dinamika kuasa, ketidakadilan sosial, dan realiti penjajahan. Pada kaca mata pengarang, sebuah karya dicipta sebagai suatu zaman akan membawa semangat zamannya. Gagasan bahan sejarah yang dibawa sentiasa hidup dan dihidupi oleh pengarang untuk setiap zaman, sejarah yang menyimpan akar-akar dan kesedaran bersama bagi sesuatu bangsa itu

sering digali makna siratannya. Melalui novel *Acuman Mahkota*, beliau menggunakan sejarah sebagai cermin untuk memantulkan situasi semasa, di mana pertembungan antara kuasa kolonial Barat, elit feudal Melayu, dan penderitaan rakyat marhaen. Meskipun teks kreatif sejarah ini beraliran romantisisme tetapi gambaran pemberontakan terhadap neokalisisme amat jelas. Imej aturan-aturan kehidupan yang dihukum oleh golongan bangsawan dan imej-imej kebenaran berendam dalam air mata golongan bawahan yang menderita dalam penjara feudalisme amat signifikan dicerminkan oleh pengarang. Wira-wira yang dibangunkan sebagai watak hitam putih menghancurkan kegelapan dan memecahkan banteng-benteng istana, meskipun wira-wira itu mati secara tragis namun teks novelnya mengangkat tokoh-tokoh tersebut sebagai dewa penyelamat oleh pengarang.

Zariat dan Zulkifli (2023), menyatakan naratif sejarah yang dihidangkan bukanlah nostalgia atau pemujaan membuta tuli kepada masa silam sahaja sebaliknya ia sarat dengan sindiran, kritikan, dan persoalan yang mengajak pembaca menilai makna sebenar kepimpinan dan kedaulatan bangsa. Justeru novel *Acuman Mahkota* memperlihatkan cara bagaimana nilai patriotisme diolah oleh Abdul Kadir Adabi. Ia bukan hadir sebagai slogan kosong atau nilai kesetiaan simbolik kepada raja dan negeri sahaja. Nilai patriotisme dipersembahkan sebagai satu bentuk kesedaran politik yang matang, menuntut keberanian moral untuk menilai, menegur, dan bahkan menolak kepimpinan yang gagal menunaikan amanah. Dalam Islam, menyintai negara dan semangat patriotisme itu adalah sebahagian daripada cabang iman. Manusia selamanya akan mempertahankan tradisi, sejarah, kepercayaan dan pemilikan-pemilikan lainnya yang berupa warisan yang menunjukkan identiti kepada sesuatu bangsa.

Semasa pemerintahan Baginda Long Sulaiman Raja di Raja Geting dan Baginda Long Abdul Rahman raja di Raja Kampung Laut. Abdul Kadir Adabi secara berani mengkritik sikap kepimpinan Melayu yang bersifat akomodatif terhadap kepentingan peribadi, sambil mendedahkan bagaimana sikap ini akhirnya mengorbankan maruah bangsa dan kebajikan rakyat kerana rusuhan demi rusuhan di sempadan Kampung Geting dan Kampung Laut. Dalam masa yang sama, Abdul Kadir Adabi tidak sekadar meruntuhkan, tetapi membina serta mengemukakan gagasan kepimpinan Melayu-Islam sebagai alternatif ideologi yang berpaksikan nilai amanah, keadilan dan tanggungjawab terhadap rakyat serta Tuhan yang jelas terbukti melalui gaya kepimpinan hebat dan Islamik melalui watak pemerintah Baginda Long Abdul Rahman, Mekong Omar, Mekong Besar, Datuk Menteri Kg. Geting, Hasan dan Datuk Menteri Kg. Laut. Analisis ini penting bukan sahaja untuk memahami pemikiran Abdul Kadir Adabi, tetapi juga untuk menilai peranan sastera Melayu awal sebagai tapak pembentukan kesedaran politik dan nasionalisme Melayu sebelum kemunculan gerakan politik moden. Dengan meneliti novel ini secara lebih mendalam, kajian ini berusaha menempatkan *Acuman Mahkota* sebagai teks yang wajar dibaca semula bukan sekadar sebagai warisan sastera, tetapi sebagai dokumen pemikiran politik Melayu yang hidup serta relevan.

## METADOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks menggunakan kerangka teori politik “*Dua Ruang*” Shamsul Amri Baharuddin bagi menganalisis novel *Acuman Mahkota*. Analisis dilakukan secara deskriptif-analitik dengan meneliti struktur naratif, watak, dialog dan peristiwa untuk melihat tema patriotism, kepimpinan Melayu Islam di antara ruang autoriti yang diwakili pihak berkuasa istana, elit politik serta penjajah. Manakala ruang kedua adalah ruang kehidupan harian rakyat yang terpinggir dan tertindas. Dalam konteks ini, patriotism Melayu Islam muncul sebagai satu bentuk kesedaran yang lahir dari ruang kehidupan harian sebagai reaksi terhadap ketidakadilan tersebut. Petikan teks dipilih secara fokus bagi menyokong hujah dan dapatan kajian. Di samping itu, kerangka analisis sosiopolitik digunakan untuk memahami hubungan antara teks sastera dan konteks sejarah penjajahan. Pendekatan ini

mbolehkan karya ditafsirkan sebagai refleksi dan kritikan terhadap realiti sosial dan politik zamannya. Manakala, prinsip pemikiran politik Islam yang menekankan keadilan, amanah dan tanggungjawab sosial digunakan sebagai asas untuk menilai konsep kepimpinan seperti yang diketengahkan oleh Abdul Kadir Adabi. Gabungan pendekatan ini membolehkan analisis yang holistik dan berlapis, selari dengan keperluan kajian sastera berorientasikan ideologi.

## SOROTAN KAJIAN

Kajian tentang nasionalisme Melayu turut menegaskan bahawa kesedaran politik Melayu tidak bermula secara tiba-tiba selepas Perang Dunia Kedua, tetapi telah berakar dalam pelbagai medium kebudayaan, termasuk sastera dan penulisan awal abad ke-20. Pandangan dari perspektif Islam pula menunjukkan bahawa perjuangan nasionalisme Melayu sering berpaut kepada prinsip ummah dan solidariti, sekaligus menolak tafsiran sempit tentang nasionalisme yang hanya bersandar kepada sempadan etnik atau negara. Menurut Sham Shul Bahri Baharudin dan Razali Musa (2021) menyatakan bahawa nasionalisme Melayu di Malaysia tidak boleh ditafsirkan secara simplistik sebagai *Asabiyyah* sempit yang dicegah dalam Islam. Menurut mereka, nasionalisme Melayu terbentuk dalam konteks sejarah penjajahan dan perjuangan mempertahankan maruah agama, bangsa dan tanah air. Justeru ia bersifat defensif serta berteraskan nilai moral Islam. Nasionalisme dalam kerangka ini bukan sekadar kesetiaan kepada etnik, tetapi berfungsi sebagai wadah mempertahankan keadilan sosial dan kelangsungan identiti umat Islam Melayu.

Sastera sejarah seperti *Acuman Mahkota* berada dalam tradisi ini. Teks novel sejarah ini menurut Abdul Kadir (1937) bukan sekadar karya nostalgia, tetapi juga digunakan oleh pengarang sebagai “senjata budaya” untuk menanamkan semangat patriotik dan kesedaran kolektif dalam kalangan pembaca Melayu. Bagi Zairul Fakhri Zainal Abidin (2022) menjelaskan bahawa penulisan novel sejarah dalam konteks Melayu menunjukkan evolusi kesedaran politik yang lebih halus, yang mengambil bentuk teks naratif sebelum gerakan politik formal berkembang di era pasca penjajahan. Kekangan dalam kajian lepas yang sedia ada menunjukkan bahawa sebilangan kajian terdahulu cenderung menilai Abdul Kadir Adabi sebagai penulis yang berorientasikan naratif feodal dan sejarah tradisional semata-mata tanpa menilai dimensi ideologi yang lebih kritikal terhadapnya. Tafsiran yang sebegini berpotensi meringgirkan peranan karya ini sebagai ruang perbincangan politik yang lebih luas, khususnya dalam memahami hubungan antara kuasa, agama dan patriotisme Melayu.

Kajian-kajian itu mula dicabar dalam kajian lepas tentang sastera moden yang memberikan implikasi bahawa naratif sejarah bukan semata-mata dokumentasi masa lampau, tetapi juga medium untuk menyampaikan wacana tentang kuasa dan legitimasi kepimpinan. Kajian sastera lain turut menekankan peranan Islam sebagai faktor utama dalam pembentukan naratif dan bahasa Melayu yang berteraskan nilai moral dan etika. Kajian oleh Solihah (2024) misalnya menunjukkan bahawa Islam bukan sahaja mempengaruhi aspek budaya, tetapi turut membentuk sistem nilai yang mencorakkan naratif, bahasa dan kerangka penghayatan dalam kesusasteraan Melayu. Selain itu, jurnal sastera seperti *Malay Literature dan Al-Shajarah* secara konsisten menerbitkan artikel yang membincangkan pelbagai aspek sastera Melayu dari konflik politik dalam hikayat klasik hingga fungsi keadilan sosial dalam novel moden. Hamdan (2023) menunjukkan bahawa kajian terhadap teks sastera perlu dilihat melalui lensa yang lebih meluas, termasuk kerangka politik, budaya dan ideologi. Walaupun terdapat kajian yang membincangkan kesusasteraan Melayu secara umum, jurang kajian yang signifikan tetap wujud dalam penilaian mendalam terhadap gagasan patriotisme Melayu-Islam dan struktur kepimpinan dalam *Ancuman Mahkota*. Sejak kajian awal yang lebih fokus kepada unsur sejarah atau moral biasa, kini terdapat keperluan untuk

mengaitkan temuan ini dengan wacana nasionalisme Melayu yang dipengaruhi oleh Islam, kolonialisme dan kesedaran politik rakyat, Justeru kajian ini menjadikan lebih relevan dalam konteks perkembangan pemikiran politik dan sastera Melayu pascamerdeka.

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

*Acuman Mahkota* memperlihatkan bahawa karya bukan sekadar naratif sejarah yang berfungsi sebagai hiburan atau dokumentasi masa lampau, sebaliknya sebuah teks sastera yang sarat dengan perbincangan politik, ideologi dan persoalan kepemimpinan Melayu dalam konteks penjajahan. *Acuman Mahkota* memaparkan krisis perebutan kuasa pemerintahan takhta kerajaan Kampung Laut dan Geting semasa pemerintahan Long Abdul Rahman, Long Sulaiman dan keturunannya pada abad ke 18 dan 19. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa gagasan patriotisme dan kepemimpinan Melayu Islam dalam novel tersebut diolah secara kritikal, reflektif dan jauh daripada sikap romantisme feodal yang lazim dalam karya sejarah tradisional. Pendapat Shamsul Bahri dan Musa (2021) menjelaskan bahawa kritiknya terhadap sikap kepemimpinan Melayu yang “*taksub*” terhadap kepentingan kolonial dan peribadi membuka mata pembaca tentang bagaimana kelemahan dalaman bangsa boleh dimanipulasi oleh penjajah, sehingga mengorbankan maruah dan kebajikan rakyat akibat konflik kuasa.

Dalam masa yang sama, Abdul Kadir Adabi tidak sekadar membongkar kelemahan, tetapi juga membina gagasan alternatif dengan menerapkan kepemimpinan Melayu Islam yang berpaksikan nilai amanah, keadilan, dan tanggungjawab terhadap rakyat serta Tuhan dalam *Acuman Mahkota*. Kepimpinan dalam kerangka ini bukan hak mutlak kerana keturunan atau kuasa feodal, tetapi satu amanah moral yang perlu dipertanggungjawabkan. Justeru, Al-Attas (1978) dan Solihah(2024) menyatakan bahawa pendekatan ini menjadikan *Acuman Mahkota* bukan sahaja novel sejarah, tetapi juga teks ideologi yang merintis wacana nasionalisme Melayu Islam secara kritikal, progresif, dan relevan hingga ke hari ini.

### Kesedaran Politik Melayu

Penelitian mendapati patriotisme dalam *Acuman Mahkota* jelas tidak dibina atas asas emosi sentimental atau kesetiaan membuta tuli kepada raja dan struktur feodal Melayu. Abdul Kadir Adabi seolah-olah mengajak pembaca berfikir semula tentang makna sebenar cinta kepada tanah air melalui novel sejarah politik. Patriotisme, dalam kerangka novel ini hadir sebagai kesedaran politik yang menuntut keberanian intelektual dan moral. Kesedaran cinta kepada negeri bukan sekadar taat dari ruang harian mewakili rakyat, berani menyoal dan menegur apabila kepemimpinan dari ruang autoriti yang gagal menjalankan amanah tetapi juga perlu menghayati sastera politik sejarah untuk memupuk nilai patriotisme. Pengarang Abdul Kadir Adabi dilihat berani mengemukakan gagasan pemikiran sejarah politik demi membangkitkan kesedaran kebangsaan melalui *Acuman Mahkota*. Harry Garvin (1980) menyatakan bahawa dalam zaman dan aliran apa pun unsur-unsur sejarah akan digunakan semula untuk menimbulkan kesedaran kepada sejarah di kalangan generasi baru. Misalnya, gaya kepemimpinan yang hebat di kalangan ruang autoriti cukup mempengaruhi perkembangan kesedaran politik di kalangan ruang harian rakyat. Misalnya melalui gambaran watak Datuk Menteri Geting ayahanda kepada Hasan ketua hulubalang Kampung Laut yang mempunyai gaya kepemimpinan hebat, amanah dan berintergriti dalam urusan pentadbiran kerajaan Geting. Memandangkan dalam Islam, kepemimpinan adalah satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Gaya kepemimpinan yang berprinsipkan Islam cuba ditonjolkan oleh pengarang. Misalnya Datuk Menteri Geting banyak menyimpan rahsia segala pentadbiran kerajaan Geting. Misalnya, dalam “Merentang Jaring” beliau menasihati Hasan anaknya tentang amanah dan tanggungjawab dalam urusan

pentadbiran negara. Kata-kata semangat dan wasiat yang dituturkan dapat menggambarkan kesedaran dan sikap jati diri yang menebal Datuk Menteri Geting terhadap negeri Kelantan. Jiwa yang berani, sentiasa berfikir, merancang dan menjaga tahah air tersemat kukuh dalam jiwanya. Sikap dan tindakannya memperlihatkan kepimpinan patriotism Melayu Islam dalam menjalankan tanggungjawab. Kepimpinannya berjaya membentuk penyatuan semua lapisan masyarakat atas dasar agama yang mampu menentang kuasa asing seperti Siam ketika itu.

“Anakanda,” jawab Datuk Menteri Geting, “jikalau bolehnya pada pendapat ayahanda, sekarang ini belumlah kita berhajat pemerintahan itu disatukan menjadi Kelantan yang besar. kerana bahawasanya Siam itu sesungguhnya sentiasa hendak menelan kita. Di dalam pada itu pun adalah sekalian isi Kelantan hendaklah disatukan seberapa segera yang boleh hingga pendiriannya menjadi cukup-cukup sempurna dan kuat. (1988: 544)

Dalam bab “Berjalan ke Kampung Laut” perbualan Hasan dengan Ibrahim memperlihatkan jiwa patriotisme yang kukuh di hati kedua-dua watak ini. Lebih-lebih lagi pada watak Ibrahim yang setia dan mengakui kehebatan pemerintahan Baginda Long Abdul Rahman Raja di-Raja. Selain itu, kepimpinan kedua-dua watak Hasan dan Ibrahim memperlihatkan konsep jihad dalam Islam. Perjuangan mereka mempertahankan raja dan tanahair bagi kedua-dua kerajaan Geting dan Kampung Laut memperlihatkan patriotism dalam diri mereka. Sikap setia watak Ibrahim kepada rajanya merupakan perjuangan politik yang tidak berbelah bagi dan jati diri yang hebat kepada tanahairnya, kampung Laut.

“Sayang” kata Ibrahim,” adinda Hasan, baginda tidak berapa lama akan bersuka-suka mengikut adatnya beramai-ramai di sini sekali setahun. (1988:125)

Dan Hasan memlihatkan persediaan dan kekuatan yang menunjukkan kebesaran kerajaan Baginda Long Abdul Rahman Raja di-Raja di dalam keadaan yang cukup-cukup sempurna, maka sukacitalah hatinya dengan amat sangat sambil berkata, “Alhamdulillah adinda dikurniakan Tuhan dapat berkhidmat kepada raja yang ada menyediakan tiap-tiap sesuatunya kerana keselamatan kerajaan negeri dan hamba rakyat yang ramai.....tetapi adinda, sesungguhnya baginda itu seorang yang tekah biasa dengan sengsara, biasa jatuh ke dalam kemerbahaya dan kecelakaan dengan tidak disangka-sangka, biasa melarat berpanjangan masa.

Jawab Ibrahim, “Kalau adinda hendak mengetahui asal usul atau riwayat hidupnya baginda itu... (1988:127)

Bab 3 juga, “*Berjalan ke Kampung Laut*” melalui dialog watak Hasan dan Ibrahim dengan jelas melihat bagaimana Abdul Kadir Adabi membina wacana patriotisme feudal Melayu Islam yang berakar pada kesetiaan, pengorbanan dan kesedaran sejarah. Perbualan ini bukan sekadar pertukaran maklumat, sebaliknya berfungsi sebagai medium ideologi untuk mengangkat keabsahan dan kehebatan pemerintahan Baginda Long Abdul Rahman Raja di-Raja serta menanamkan rasa taat setia dalam kalangan rakyat terhadap pemimpin. Watak Ibrahim, sebagai anakanda Datuk Menteri Kampung Laut, digambarkan memiliki kesedaran politik yang matang dan berlapis, khususnya melalui ungkapan berikut;

“baginda tidak berapa lama akan bersuka-suka mengikut adatnya beramai-ramai di sini sekali setahun” (1988: 125)

Petikan di atas mencerminkan kefahaman bahawa kehadiran raja bukan untuk kemewahan peribadi, tetapi sebagai ritual kenegaraan yang mengukuhkan hubungan simbolik antara raja dan rakyat penuh dengan ikatan ukhwh yang hebat. Dalam konteks ini, patriotisme ditampilkan oleh pengarang bukan dalam bentuk emosi melulu, tetapi sebagai kesetiaan beradab yang berteraskan adat dan tanggungjawab kepada pemimpin. Sementara itu, watak Hasan pula memperlihatkan patriotisme yang lebih bersifat pengabdian moral dan spiritual. Ucapannya “Alhamdulillah adinda dikurniakan Tuhan dapat berkhidmat kepada raja...” menunjukkan bahawa kesetiaan kepada raja dianggap sebagai amanah ketuhanan, sejajar dengan pandangan politik Melayu Islam tradisional yang menyatukan konsep agama dan pemerintahan. Hasan tidak memuji raja atas kekuasaan semata-mata, sebaliknya menekankan aspek keselamatan negeri dan kesejahteraan hamba rakyat, yang menjadikan patriotisme itu berlandaskan keadilan sosial. Penceritaan latar sejarah hidup Baginda Long Abdul Rahman yang disampaikan oleh Ibrahim kemudiannya berfungsi sebagai naratif legitimasi kuasa yang berusaha membangkitkan semangat patriotisme oleh pengarang kepada pembaca.

Secara keseluruhannya, memperlihatkan bagaimana patriotisme dalam *Acuman Mahkota* dibentuk melalui kesetiaan berilmu, ingatan sejarah dan legitimasi moral raja. Justeru, novel ini bukan sekadar kisah kepahlawanan, tetapi teks sosiopolitik yang merakam aspirasi politik Melayu awal abad ke-20. Watak Datuk Menteri Geting, Ibrahim dan Hasan disimbolkan oleh pengarang sebagai lambang kesetiaan yang kuat kepada pemerintahan Baginda Long Abdul Rahman. Meskipun latar sejarah baginda penuh konflik dan penderitaan namun nilai patriotism, kesetiaan mampu menyatukan dua ruang institusi negara dan raja lebih dengan di bawah ukhwh Islam cinta kepada tanahair. Sehubungan dengan itu, ramai tokoh akademik berpendapat dan mengaitkan patriotisme dengan kesetiaan rakyat ruang harian kepada institusi negara yang mampu menyatukan rakyat dibawah ikatan perpaduan. Misalnya, kenyataan Steven B. Smith dan Mohd Fazli Abd. Aziz (2025) berpendapat bahawa patriotisme politik ialah ikatan nilai moral yang mendalam kepada negara dan institusinya, di mana rakyat sanggup mempertahankan keadilan dan keselamatan bersama sebagai manifestasi kesetiaan kolektif.

Bab “Tuanku? Baginda Long Sulaimankah, Tuanku?” pula memperlihatkan bagaimana watak baginda Long Sulaiman atau Pendeta Abdul Majid di Cherang Tuli bermonolog sendiri tentang keadaan kampung Tumpat yang punah akibat kejahilan dan kegagalan menjaga amanah mentadbir negeri oleh saudaranya sendiri

“Aduhai! Kluatir hatiku! Haruslah Kelantan yang besar akan berpecah belah, kampung Laut dan Geting keduanya menumbukkan api yang menyala dan meniup kepada kebakaran yang menghacurkan harapan kesatuan berseiya sekata berteguh setia di dalam ikatan satu iktikad, pengenalan dan tujuan-tujuan yang diharap-harap. Aduhai Kelantan! Ya Allah apalah nasibnya! Adalah aku berselindung diri, aku turun daripada takhta kerajaanku sebegitu lama bukanlah kerana lain daripada menaruh khauatirkan kalua-kalau negeri berpecah belah.

“Betol Mekong Omar sudah banyak memberi nasihat kepada aku supaya aku kembali memegang kekuasaan, balik merebut kerajaan Geting daripada tangan pemerintahan saudaraku yang aniaya, raja yang tiada menghiraukan hal-ehwal kerajaan dan hamba

rakyatnya, raja yang bersenang-senang diri dengan tamak halobakan wang duit dan memenugkan hawa nafsunya, raja yang lekakan dengan bersuka-suka mengikut sekehendak hatinya, raja yang tiada sedarkan nyawanya yang bergantung di hujung rambut dan kekuasaannya terpipis nipis sebagai daun lalang, raja yang tiada mengenal antara putih dengan hitam lagi tidak tahu membezakan antara intan dan kaca.

Tetapi bertapa kelak fikirannya saudaraku itu, jika kerajaannya dengan tiba-tiba sahaja jatuh ia akan berdukacita dan bersusah hati benar-benar, sedangkan masa dahulu terlambat sahaja aku menyerahkan takhta kerajaaku kepadanya sudahlah ia membangkitkan huru-hara. Aku dimusuhinya, helah dayanya yang berbaga-bagai telah dijalankan supaya akau terbunuh.... (1988: 487-488)

Petikan di atas menggambarkan kebangkitan Melayu sebagai kebangkitan kesedaran terhadap bahaya perpecahan, kesedaran terhadap kerosakan moral elit, dan kesedaran terhadap tanggungjawab mengembalikan keadilan. Prinsip kepimpinan Islam "*Amar Ma'ruf Nahi Munkar*" pada Pendeta Abdul Majid adalah simbol tanggungjawab sosial kepada kerajaan yang telah dibina hampir musnah. Hasrat ingin mengambil kembali tapuk pemerintahan kampung Geting daripada saudaranya mencerminkan ketokohnya mempertahankan tanahair dan haknya. Moranya di sini, bahawa kebangkitan untuk memerintah yang ditampilkan melalui watak Pendeta Cerang Tuli bukan bersifat revolusioner secara fizikal merampas kerajaan tetapi bersifat reformis dan moral untuk memulihkan kembali kekuatan kerajaan Geting yang hampir musnah akibat ketamakkan kuasa. Justeru, masej ini menegaskan bahawa kekuatan bangsa terletak pada kesatuan, integriti kepimpinan dan kesedaran kolektif untuk berubah yang cuba disampaikan oleh Abdul Kadir Adabi melalui watak Pendeta Abdul Majid atau Baginda Long Sulaiman di Cerang Tuli.

Pendekatan ini sejajar dengan pandangan Roff (1967) yang menegaskan bahawa nasionalisme Melayu awal berkembang melalui kesedaran idea dan wacana intelektual, bukannya melalui penentangan fizikal secara terbuka. Dalam hal ini, *Acuman Mahkota* berfungsi sebagai teks yang memupuk nasionalisme berbentuk kesedaran, bukan emosi kosong.

### **Kepimpinan Melayu Islam**

Dapatan kedua kajian menunjukkan bahawa konsep kepimpinan Melayu Islam dalam novel ini digarap sebagai satu amanah moral dan ilahi, bukan hak mutlak yang diwarisi tanpa pertanggungjawab. Abdul Kadir Adabi menampilkan kepimpinan dari ruang autoriti sebagai beban tanggungjawab yang perlu dipikul dengan adil dan beretika. Raja dan pembesar yang gagal menegakkan keadilan digambarkan sebagai punca utama keruntuhan politik dan sosial. Contohnya dalam bab 19 "*Merentas Tebing*" perbualan antara Penglima Muda Kg. Laut Hasan dengan ayahandanya Datuk Menteri Geting tentang keburukkan bapa saudaranya Datuk Syahbandar Tumpat yang tamak, tidak amanah sehingga menyebabkan punca utama keruntuhan politik dan sosial Kampung Geting.

"Anakanda, bahawasanya mamandamu Datuk Syahbandar Tumpat itu sudahlah tiada dapat diubat lagi penyakitnya yang di dalam jantung hatinya itu semakin berbora. Ialah yang sebenar-benar seorang yang telah menjalankan helah daya dan bencana hingga junjungan Kita Long Sulaiman itu terpaksa menukar dirinya daripada menjadi raja di Geting itu kepada menjadi Pendeta Abdul Majid di Geting Tuli, Cerang bahana itu. Adalah

maksudnya ia sendiri hendak menjadi raja Geting ini atau sekurang-kurangnya menjadi Raja Muda. Maka kerana maksudnya tidak berhasil raja Geting yang ada sekarang ini sungguhpun ia terpedaya dingga menjadi seorang penderhaka kepada abangnya, adalah dengan pujik gaya anyahanda sekarang hamper-hampirlah ia hendak beralah dan menyerahkan kembali takhta Kerajaan Geting pada kekandanya itu.

Bermacam-macam helah dayanya telah dijalankan hingga berberapa banyak jiwa yang telah hilang dan sekarang adalah raja Geting itu sendiri sudahlah terkena racun pula dan ia tiada diharapkan hidup lagi. (1988: 542-544)

Hasan, bapa saudaramu itu berhatiakan iblis. Semua perikhtiaran menjadi sebagai penggalak dan penyubur kemahuan yang jahat itu semata-mata. Ayahanda sekalian telah menjadi sebagai taksir kerana di dalam bergaya kira dan banyak berikhtiar itu sudahlah terlalu banyak nyawa manusia terkorban di tangan perdayaan ayahanda saudaramu dan Sami Edeng. (1988:549)

Gambaran petikan ini menolak konsep kekuasaan feodal yang taksub dan selari dengan prinsip “*siyasah*” Islam yang menekankan keadilan dan amanah sebagai teras pemerintahan oleh Abdul Kadir Adabi. Hujah ini bertepatan dengan pandangan Al-Attas (1978) yang menegaskan bahawa dalam tradisi Islam, kuasa tidak pernah terpisah daripada tanggungjawab moral dan kepimpinan beretika. Kenyataan Al Attas amat jelas boleh diambil daripada watak Datuk Menteri Kampung Laut ketika saat kematiannya di atas riba Hassan. Akibat ditikam oleh Sayyid Husin semasa rusuhan di sempadan. Wasiat yang disampaikan kepada Hasan boleh dijadikan teladan yang baik tentang ciri-ciri kepimpinan yang amanah seperti yang di syariatkan oleh Islam. Tindakan Datuk Menteri Kampung Laut dalam bab 18 juga seperti “*Wasiat Datuk Menteri*” yang gemar mengambil pegawai-pegawai tadbir daripada kaum kerabatnya dilihat sebagai kepimpinan yang pincang bercanggah dengan Islam. Selain itu wujud pengkianatan umpama “*api dalam sekam*” dalam pentadbiran pemerintahan Long Abdul Rahman kerana krisis pentadbiran yang lemah.

“Dan kemudian daripada itu adalah mamanda berwasiat kepada anakanda, janganlah sekali-kali anakanda meniru langkah dan gerak geri mamanda memerintah dan mentadbir negeri ini. Kerana yang demikian itu semuanya menanam bencana ke atas diri pada akhirnya, dan juga menjadikan pemerintahan negeri tidak bersaksama dan berinsaf yang sempurna.

“Ingatlah anakanda, sesungguhnya mamanda telah atur dan susunkan di dalam pekerjaan mentadbirkan pegawai-pegawai negeri dengan mengikut langkah mengutamakan kaum.. (1988:529)

Pengakuan Datuk Menteri Kampung Laut agar Hasan “*janganlah sekali-kali meniru langkah dan gerak geri mamanda*” menunjukkan kesedaran bahawa pentadbiran yang diasaskannya telah menanam bencana jangka panjang. Menariknya, beliau tidak menafikan bahawa pentadbirannya kelihatan sah dari sudut adat dan adab, malah diakui “*lulus belaka*”. Namun, di sinilah paradoks kepimpinan yang ingin dibongkar oleh Adabi. Gambaran pemerintahan boleh kelihatan teratur dan beradat, tetapi tetap gagal dari sudut keadilan substantif. Hal ini selari dengan pandangan Syed Hussein Alatas (1968) yang menegaskan

bahawa kerosakkan sesebuah masyarakat sering berpunca daripada penguasaan elit yang menyembunyikan kegagalan moral di sebalik tradisi dan autoriti mereka.

“Pentadbiran mamanda itu semuanya lulus belaka dan pada tuntutan adab pun bersetujulah dengan yang demikian itu. Tetapi aduhai anakanda, sesungguhnya tidaklah ada yang terlebih azab daripadanya pada jalan pemerintahan negeri kerana terpaksa memanda pekakkan telinga sendiri oleh paksaan nafsu timbang menimbang. Maklumlah darah daging sendiri, tetapi pula kerana timbang menimbang itulah yang sebenarnya menjadikan kaum kerabat mamanda itu bertambah-tambah mua yang mendatangkan berbagai-bagai bencana, maka jadilah pula di dalamnya mamanda.

Datuk Menteri Kampung Laut mengakui bahawa keutamaan terhadap kaum kerabat telah memaksanya “*memekakkan telinga oleh paksaan nafsu timbang-menimbang*”. Ungkapan ini menggambarkan konflik kepentingan yang serius, apabila hubungan darah mengatasi pertimbangan amanah awam. Abdul Kadir Adabi secara tidak langsung mengkritik budaya “*nepotisme*” yang menjadikan jawatan dan kuasa sebagai lanjutan hak kekeluargaan. Dalam konteks ini, pemerintahan tidak lagi berfungsi sebagai institusi awam, sebaliknya bertukar menjadi mekanisme pengukuhan elit. Pandangan ini sejajar dengan analisis Shamsul Amri Baharuddin (1986) yang menyatakan bahawa dalam politik tradisional Melayu, krisis sering berlaku apabila ruang kuasa elit disalah tafsir sebagai hak warisan, bukannya amanah sosial.

“Menjadikan diri mamaanda terdedah kepada umpatan keji dan dengki cemburu di dalam hati orang-orang yang bukannya kaum kerabat mamanda telah jadikan hak-hak pemerintahan negeri ini sebagai pusaka mamanda yang tiada boleh terleleh kepada lain-lain kaum lagi, pada hal mereka itu sepanya daripada anak negeri yang sama berhak memperoleh apa-apa yang mamanda dan kaum keluarga memanda mendaptanya itu. (1988: 530)

Kesan daripada pentadbiran yang berat sebelah ini, Datuk Menteri mengakui bahawa kaum kerabatnya sendiri menjadi “bertambah-tambah mua” dan mendatangkan pelbagai bencana. Ini menunjukkan bahawa nepotisme bukan sahaja menindas rakyat, malah merosakkan watak elit itu sendiri. Golongan yang dilindungi kuasa akan cenderung menjadi rakus, tidak bertanggungjawab dan kebal daripada kritikan. Keadaan ini akhirnya memakan diri pemimpin apabila beliau sendiri menanggung kerugian moral dan politik. Fenomena ini pernah dihuraikan oleh Syed Hussein Alatas (1980) sebagai “*corruption of character*”, iaitu keadaan apabila kuasa yang tidak diawasi melahirkan elit yang hilang keupayaan etika. Kesedaran paling penting dalam wasiat ini ialah pengakuan Datuk Menteri bahawa tindakannya telah menjadikan beliau sasaran “umpatan keji dan dengki cemburu”. Ini bukan sekadar isu reputasi peribadi, tetapi petanda terhakisnya kepercayaan rakyat terhadap pemerintah dan kepimpinan.

Apabila jawatan dianggap sebagai pusaka keluarga, hak anak negeri lain dinafikan, Hak ruang harian rakyat dinafikan jawatan mereka di istana sedangkan mereka “sama berhak memperoleh” peluang dan kedudukan. Abdul Kadir Adabi di sini mengemukakan gagasan awal tentang kesamarataan hak dan keadilan sosial sebagai satu pemikiran yang progresif dalam konteks awal abad ke-20. Menurut Roff (1967), karya-karya Melayu awal yang bersifat kritikal seperti ini sebenarnya mencerminkan kesedaran politik Melayu yang sedang beralih daripada kesetiaan feudal kepada tuntutan moral terhadap kepimpinan ketika itu.

Secara keseluruhan, wasiat Datuk Menteri Kg. Laut bukan sekadar penyesalan seorang pemimpin tua, tetapi berfungsi sebagai amaran ideologi dari ruang harian mewakili rakyat kepada generasi seterusnya. Abdul Kadir Adabi menegaskan bahawa kejatuhan kepemimpinan Melayu bukan semata-mata akibat tekanan kolonial, tetapi juga berpunca daripada kegagalan dalaman elit itu sendiri untuk membezakan antara amanah rakyat dan kepentingan kaum kerabat. Melalui naratif yang santai tetapi sarat makna, Abdul Kadir Adabi mengajak pembaca menilai semula makna sebenar keadilan, kepemimpinan dan tanggungjawab sosial dalam pemerintahan.

### **Kritikan Feudal Elit Melayu**

Seterusnya, dapatan kajian ketiga memperlihatkan kritikan Abdul Kadir Adabi yang konsisten dan berani mengkritik elit feudal Melayu yang bersekongkol dengan kuasa kolonial. Novel ini mendedahkan bahawa penjajahan Barat tidak berlaku semata-mata kerana kekuatan luar, tetapi dipermudahkan oleh kelemahan dalaman masyarakat Melayu sendiri. Misalnya kepemimpinan yang mementingkan ketamakkan kuasa dan dendam peribadi seperti watak Datuk Syahbandar Geting, Zainab dan Tengku Jaffar mewakili golongan autoriti feudal yang tamak. Pengarang menyampaikan mesej tentang peranan “*orang luar*” yang mengambil kesempatan dengan permasalahan krisis istana yang berlaku melalui watak Sayyid Husin dan Sami Edeng. Kedua-dua watak ini menjadikan Datuk Syahbandar Geting dan Tengku Jaffar sebagai “*kuda tunggangan*” demi kuasa dan kepentingan diri dalam konflik gulingan kuasa Pemerintahan Long Abdul Rahman pemerintah Kampug Laut. Dalam konteks ini, elit feudal bukan digambarkan sebagai pelindung ruang harian mewakili rakyat, tetapi sebagai ejen yang menyuburkan penindasan dan pengkianatan.

Bab “Ular Berkepala Dua” begitu jelas kritikan tajam pengarang ditujukan kepada feudal Melayu yang bersekongkol dengan kuasa luar dalam mengulingkan pemerintahan Baginda long Abdul Rahman pemerintah Kg. Laut;

“Sekarang celaka lah rupanya akan mengenai kita, celaka besarlah kita berdua ini rupanya, kerana sekarang baginda sendiri sudahlah mengetahui betul rahsia kita.”

“Ah!” Sahut Zainab, “Baginda Long Abdul Rahman mengetahui rahsia kita? Dari mana ia mendapat tahu itu?”

“Sungguh telah ada orang yang mempersembahkan kepadanya, Sami Edeng sendiri telah menyatakan hal itu kepada mamanda dengan bersumpah-sumpah, katanya baginda itu telah ketahu dan sekarang pentadbiran baharu kita terpaksa mulai bagi mengambil keterangan yang lebih sempurna dan terang lagi.

“Tetapi anakanda,” Datuk Syahbandar menghubungkan katanya itu kemudian daripada ia diam seketika,” “adalah hal pembunuhan yan akan dilakukan ke atas baginda itu janganlah dipersembahkan kepada Tengku Jaffar, rahsiakanlah antara kita sahaja. Tengku Jaffar akan mengetahui juga pada akhirnya, tetapi tentulah dia kelak berpura-pura tidak tahu sahaja. (1988:506-508)

Petikan dialog di atas antara Datuk Syahbandar Tumpat dan Zainab ini mendedahkan sisi gelap politik elit dalam *Acuman Mahkota*, iaitu politik yang beroperasi melalui rahsia, tipu daya dan

perancangan kekerasan demi mengekalkan kuasa dan menggulingkan pemerintahan Kampug Laut. Ungkapan “*celaka besarlah kita berdua ini rupanya*” menandakan detik panik moral dan politik apabila rahsia konspirasi mereka diketahui oleh Baginda Long Abdul Rahman. Abdul Kadir Adabi dengan sengaja memulakan adegan ini bukan dengan tindakan fizikal, tetapi dengan ketakutan menunjukkan bahawa pemerintahan yang dibina atas kejahatan sentiasa rapuh dan dibayangi rasa bersalah. Kebimbangan dan ketakutan Datuk Syahbandar Tumpat berpunca daripada pendedahan Sami Edeng tentang rahsia mereka diketahui oleh baginda. Hal ini memperlihatkan bagaimana politik istana berfungsi dalam ruang tertutup golongan autoriti. Maklumat menjadi senjata dan kesetiaan boleh bertukar menjadi pengkhianatan. Menurut Foucault (1980), kuasa tidak hanya beroperasi melalui undang-undang dan paksaan, tetapi melalui kawalan terhadap pengetahuan dan rahsia. Situasi ini jelas tercermin apabila rahsia yang terbongkar menggugat keseluruhan struktur pentadbiran baharu.

Lebih memburukkan situasi, Datuk Syahbandar Tumpat secara terang-terangan mengarahkan agar rancangan pembunuhan terhadap baginda dirahsiakan daripada Tengku Jaffar. Arahan ini memperlihatkan normalisasi keganasan dalam kalangan elit sebagai alat politik. Pembunuhan tidak dianggap sebagai kejahatan moral, sebaliknya sebagai strategi kuasa yang perlu diurus dengan cermat agar tidak menggugat pakatan politik. Sikap ini menunjukkan keruntuhan etika kepimpinan dalam Islam. Apabila nyawa manusia menjadi alat tawar-menawar dan menjadi halal dalam pergolakan politik. Hannah Arendt (1970) menegaskan bahawa apabila keganasan dijadikan instrumen politik yang sah, maka kuasa itu sendiri telah kehilangan legitimasi moralnya. Datuk Syahbandar menjangkakan bahawa Tengku Jaffar “*akan berpura-pura tidak tahu sahaja*”. Ini menggambarkan budaya hipokrasi politik dalam kalangan elit, di mana kepura-puraan menjadi mekanisme kelangsungan kuasa. Kebenaran tidak lagi penting yang lebih utama ialah kestabilan pakatan dan kelangsungan kepentingan diri. Abdul Kadir Adabi di sini mengkritik sikap elit Melayu yang sanggup menutup mata terhadap kejahatan demi menjaga kedudukan masing-masing. Pandangan ini selari dengan analisis Syed Hussein Alatas (1977) yang menyatakan bahawa salah satu ciri utama krisis kepimpinan dalam masyarakat feodal ialah “keengganan elit untuk menegakkan kebenaran apabila ia bercanggah dengan kepentingan kelompok sendiri.” Secara keseluruhan, petikan ini memperlihatkan bahawa konflik dalam *Acuman Mahkota* bukan sekadar pertentangan individu, tetapi manifestasi krisis struktur politik yang berasaskan rahsia, konspirasi dan keganasan. Abdul Kadir Adabi secara halus menegaskan bahawa kejatuhan pemerintahan bukan bermula dengan serangan luar, tetapi dengan pengkhianatan nilai moral dari dalam kalangan elit sendiri. Politik yang beroperasi dalam ruang gelap akhirnya melahirkan ketakutan, saling tidak percaya dan kehancuran legitimasi.

Turut dilontarkan kritikan terhadap kepimpinan Melayu tradisional yang gagal membezakan antara amanah rakyat dan nafsu kuasa dalam Islam. Dapatan ini menyokong analisis Milner (2008) yang menyatakan bahawa krisis politik Melayu berpunca daripada jurang antara elit dan rakyat, serta kegagalan elit memahami aspirasi masyarakat bawahan dari ruang harian. Naratif sejarah yang dihidangkan oleh Abdul kadir Adabi tidak bersifat nostalgia atau memuja masa silam secara membuta tuli, sebaliknya sarat dengan sindiran, kritikan dan persoalan tentang makna sebenar kepimpinan dan kedaulatan pejuang Melayu Islam. Apa yang menjadikan *Acuman Mahkota* menarik ialah cara patriotisme diolah bukan sebagai slogan kosong atau kesetiaan simbolik kepada raja dan negeri. Sebaliknya, patriotisme dalam novel ini hadir sebagai satu bentuk kesedaran politik yang matang yang menuntut keberanian moral untuk menilai, menegur dan bahkan menolak kepimpinan yang gagal menunaikan amanah semasa pemerintahan Baginda Long Sulaiman Raja di Raja Geting dan Baginda Long Abdul Rahman Raja di Raja Kg. Laut dari ruang harian akibat pengalaman dan sejarah yang dilalui oleh golongan marhaen.

Abdul Kadir Adabi secara berani mengkritik sikap kepimpinan Melayu yang bersifat akomodatif terhadap kepentingan peribadi, sambil mendedahkan bagaimana sikap ini akhirnya mengorbankan maruah

bangsa dan kebajikan rakyat kerana rusuhan demi rusuhan di sempadan Kampung Geting dan Kampung Laut. Dalam masa yang sama, Abdul kadir Adabi tidak sekadar meruntuhkan, tetapi membina serta mengemukakan gagasan kepimpinan Melayu-Islam sebagai alternatif ideologi yang berpaksikan nilai amanah, keadilan dan tanggungjawab terhadap rakyat. Kepimpinan Islam terbukti melalui gaya kepimpinan hebat dan Islamik melalui watak pemerintah Baginda Long Abdul Rahman, Mekong Omar, Mekong Besar, Datuk Menteri Kg. Geting, Hasan dan Datuk Menteri Kg. Laut. Analisis ini penting bukan sahaja untuk memahami pemikiran Abdul Kadir Adabi, tetapi juga untuk menilai peranan sastera Melayu awal sebagai tapak pembentukan kesedaran politik dan nasionalisme Melayu sebelum kemunculan gerakan politik moden. Dengan meneliti novel ini secara lebih mendalam, kajian ini berusaha menempatkan *Acuman Mahkota* sebagai teks yang wajar dibaca semula bukan sekadar sebagai warisan sastera, tetapi sebagai dokumen pemikiran politik Melayu yang hidup serta relevan.

### **Kebangkitan Rakyat Senyap**

Selain itu, dapatan kajian seterusnya ini mendapati bahawa rakyat marhaen dalam *Acuman Mahkota* tidak diposisikan sebagai watak pasif atau sekadar mangsa keadaan. Abdul Kadir Adabi memberi ruang kepada rakyat untuk tampil sebagai subjek politik yang memiliki kesedaran dan potensi perubahan. Kesedaran rakyat terhadap ketidakadilan sosial dan politik menjadi asas kepada kebangkitan bangsa. Masej kebangkitan rakyat hasil daripada lahirnya rasa cinta kepada tanahair serta membentuk tindakan untuk bangkit menentang kezaliman dan penindasan. Robert Jemeson (1991) dalam bukunya *The Political Unconscious* menjelaskan bahawa kecintaan kepada tanahair itu penting dan wajib menjadi inspirasi kepengarangan. Tegasnya teks-teks sastera dalam apa aliran pun akan menyerlahkan konsep kecintaan kepada tanahair. Misalnya dalam bab 16 *Baginda Long Sulaiman*, pengarang Abdul Kadir Adabi menggunakan watak Semian Assad sebagai mewakili golongan marhaen yang bangkit berjuang demi menuntut bela atas kematian rajanya dan tanah air tercinta. Misalnya Semian Assad rela ke Cerang Tuli untuk mencari Pendeta Cerang Tuli yang dituduh membunuh Baginda Long Sulaiman. Berita fitnah yang disebarkan oleh Sami Edeng dan Datuk Syahbandar Geting berjaya memerangkap Semian Assad ke Cerang Tuli untuk membalas dendam. Misi membalas dendam berakhir dengan kematian Semian Assad kerana ditikam oleh pengawal setia Pendeta Abdul Majid, Said di Cerang Tuli. Namun di saat kematiannya Semian Assad baru menyedari bahawa dirinya telah dipergunakan oleh Sami Edeng dan Datuk Syahbandar Tumpat dengan perangkap fitnah yang disebarkan.

“Tuanku! Sembah Said, “patik tiada menaruh sabar, patik harus membunuh orang ini kerana ia hendak membunuh tuanku, dan sekarang ia masih bernafas lagi?”

“Dia hendak membunuh aku? Dimana engkau mengetahui dia hendak membunuh diriku? Pelik bunyinya perkataanmu, Said.”

“Sebenarnya, patik persembahkan itu, dan kelak tuanku akan mengetahui”

Mendengar pertanyaan orang itu Pendeta Abdul Majid pun menyahut: “Ah bedebah! Kenalkah engkau akan diriku ini? Aku inilah Baginda Long Sulaiman raja Getting dahulu, maka apa sebabnya engkau datang ke amri dan hendak membunuh aku?”

“Siapakah yang telah memperdayakan engkau hingga datang hendak mengambil nyawaku

dan bagaimana perdayannya, cubalah engkau ceritakan moga-moga berguna kepada diriku.”

“Adalah orang yang mempardayakan patik itu iaitulah Sami Edeng dan Datuk Syahbandar Tumpat yang sekarang ini... Mereka itulah yang menzahirkan kepada patik bahawa tuanku telah dibunuh orang dan adalah orang-orang yang menjadi ketua di dalam pembubuhan itu telah didapati sekarang iaitulah Pendeta Abdul majid di Cerang Tuli ini, disertai oleh Menteri Raja Getting saudara kepada datuk Syahbandar itu sendiri.”

... Tetapi tentulah tuanku masih ingat lagi yang patik ini adalah berdua saudara peluanglah bagi patik meminta dan menyanggup datang hendak membalas bela ke atas orang yang sudah mendatangkan tangannya ke atas raja patik Long Sulaiman itu. (1988: 493-496)

Pendekatan ini menunjukkan peralihan penting dalam pemikiran politik Melayu awal, iaitu daripada kepatuhan mutlak kepada pengiktirafan peranan rakyat dalam menentukan hala tuju politik. Kebangkitan Semian Assad menuntut bela atas kematian rajanya menunjukkan simbol kesedaran politik membuak-buak rakyat atas rasa tidak puas hati kerana kesetiaan mereka kepada raja dicabuli oleh pihak tertentu kerana gilakan kuasa. Biar pun Semian Assad meninggal namun kematiannya menjadi lambang kepada kesedaran dan kebangkitan rakyat dari bawah demi raja tercinta. Watak Said mewakili golongan bawahan yang berani bertindak atas dorongan kesetiaan dan rasa tanggungjawab terhadap rajanya. Walaupun beliau bukan daripada golongan pembesar tertinggi, Said berani menghadap tuanku dan menyuarakan pendiriannya secara tegas, malah sanggup mengorbankan diri demi membela raja yang dianggap telah dizalimi.

Tindakannya ini mencerminkan kebangkitan kesedaran rakyat bawahan untuk tidak lagi bersikap pasif, sebaliknya berani bertindak apabila berlaku ketidakadilan di depan mata. Selain itu, kebangkitan golongan bawahan turut dizahirkan melalui keberanian mencabar autoriti dan keadaan. Said tidak sekadar menurut perintah secara membuta tuli, tetapi bertindak berdasarkan apa yang diyakininya sebagai kebenaran. Walaupun keyakinannya itu akhirnya berpunca daripada penipuan pihak atasan seperti Sami Edeng dan Datuk Syahbandar. Situasi ini menunjukkan bagaimana golongan bawahan boleh dijadikan alat oleh golongan berkuasa dengan apa yang terjadi pada Assad. Hal ini membuktikan bahawa golongan bawahan mempunyai kekuatan dan peranan besar dalam menentukan arah peristiwa politik dan pemerintahan. Di samping itu, petikan ini menggambarkan bahawa kebangkitan rakyat bawahan bukan semata-mata bersifat pemberontakan, tetapi lahir daripada kesetiaan, keadilan, dan rasa tanggungjawab. Misalnya, Said bangkit kerana merasakan rajanya telah dianiaya dan keadilan perlu ditegakkan. Hal ini menonjolkan bahawa kebangkitan golongan bawahan sering bermula apabila kepercayaan terhadap kepimpinan tergugat dan kebenaran dikaburkan. Kesimpulannya, petikan ini memperlihatkan tema kebangkitan rakyat daripada golongan bawahan melalui keberanian Said untuk bertindak, bersuara, dan mengambil risiko demi mempertahankan apa yang dianggapnya sebagai kebenaran. Walaupun kebangkitannya dimanipulasi oleh pihak tertentu, petikan ini menegaskan bahawa golongan bawahan memiliki potensi besar untuk menjadi agen perubahan dalam struktur masyarakat dan politik. Dapatan ini selari dengan hujah Shamsul Amri Baharuddin (2011) yang menekankan kewujudan “ruang politik bawahan” sebagai tapak pembentukan kesedaran dan penentangan terhadap hegemoni kuasa.

Melalui watak Zainab, gambaran kebangkitan rakyat amat jelas diperincikan oleh pengarang. Meskipun Zainab dalam novel ini digambarkan sebagai “musuh dalam selimut” yang terlibat sama dalam konflik istana ini. Meskipun Zainab terkorban di tangan suaminya sendiri Datuk Menteri Kg. Laut, namun dialog-dialog Zainab dengan Hasan dan Datuk Syahbandar Tumpat dapat memberikan gambaran tentang

arus kesedaran rakyat itu bermula dari bawah. Ketika Geting ingin diperangi oleh kerajaan Kampung Laut, Zainab tegas bersuara penuh semangat menghasut Hasan ketua hulubalang Kampung Laut untuk tidak memerangi kampung Geting.

“Ya, Tidak mengapa, itu semunya tiada mengapa jikalau sudah sampai hati kakanda hendak membiarkan negeri tumpah darah kakanda sendiri menjadi taklukan orang dan penduduk-penduduk negerinya ddiperhambakan oleh penakluk, kerana gadaian bagi harta dan gelaran kebesaran diri kakanda yang akan kembali juga ke perut bumi lambat bangatnya...

“Kalau betul begitu jangan kakanda turut memerangi Getting. Itulah jalan yang terlebih baiknya, dan itulah ikhtiar melepaskan diri adinda daripada menjadi tawanan kepada baginda itu.” (1988: 310-311)

Walaupun Zainab terlibat dalam krisis istana yang bertujuan menggulingkan Baginda Long Abdul Rahman, pandangannya dalam petikan ini jelas mencerminkan kesedaran politik yang berpihak kepada kepentingan negeri dan rakyat, bukan semata-mata kepada perebutan kuasa. Tegasnya, Zainab tidak bercakap atas dasar dendam peribadi atau ambisi istana semata-mata, sebaliknya menzahirkan kebimbangan terhadap nasib negeri yang bakal ditakluk, rakyat yang akan diperhambakan. Berlaku pertumpahan darah akibat kelemahan kepimpinan. Watak Zainab berfungsi sebagai suara rakyat bawahan yang sedar akan realiti penindasan, meskipun beliau berada dalam lingkungan istana. Kritiknya terhadap “kakanda” iaitu Hasan yang sanggup menggadaikan negeri demi harta dan gelaran menunjukkan bahawa Zainab menolak konsep kesetiaan membuta tuli kepada raja yang gagal melindungi kedaulatan negeri. Ini menjadikan Zainab simbol kesedaran bahawa legitimasi seorang pemerintah bukan terletak pada darah keturunan semata-mata, tetapi pada tanggungjawab terhadap rakyat. Selain itu, tindakan Zainab menasihati agar tidak turut memerangi Geting boleh ditafsirkan sebagai strategi kesedaran rakyat yang realistik, iaitu mengelakkan rakyat terus menjadi mangsa konflik elit istana. Pandangan ini selari dengan gerakan kesedaran rakyat, di mana keutamaan bukan lagi mempertahankan individu pemerintah, tetapi menyelamatkan rakyat daripada penindasan dan penjajahan.

Peranan Zainab dalam krisis istana turut menimbulkan persoalan moral. Gerakan kesedaran yang dibawanya berisiko dilihat sebagai alat legitimasi politik untuk menggulingkan Baginda Long Abdul Rahman. Hal ini menunjukkan bahawa kesedaran rakyat dalam teks ini tidak bersifat mutlak suci, sebaliknya bercampur dengan kepentingan politik, satu gambaran yang realistik tentang kebangkitan rakyat dalam sejarah tradisional Melayu. Apa yang lebih penting, pengarang juga berjaya mengenegahkan watak wira daripada golongan wanita iaitu Zainab yang turut sama berjuang seiring dengan lelaki dalam usaha mencapai misi gulingan kuasa tersebut. Keadaan ini bersesuaian dengan pendapat Hutcheon (1992) dengan menyatakan bahawa golongan feminis juga menggunakan nasionalisme sebagai medan perjuangan untuk membuktikan dan menunjukkan mereka telah memainkan peranan dalam pembentukan bangsa. Walaupun Zainab terlibat dalam usaha menggulingkan raja, wataknya tetap berperanan penting sebagai wakil kesedaran rakyat Kerajaan Geting. Beliau melambangkan kebangkitan pemikiran bahawa kesejahteraan negeri dan rakyat harus didahulukan daripada kesetiaan kepada pemerintah yang mengabaikan tanggungjawabnya. Dalam konteks ini, Zainab bukan sekadar watak istana, tetapi jambatan antara krisis elit dan suara rakyat bawahan.

### **Legitimasi Politik dan Penyatuan Nasionalisme Melayu**

Penerapan unsur-unsur Islam dalam *Acuman Mahkota* berfungsi sebagai asas legitimasi politik dan penyatuan nasionalisme orang Melayu. Abdul Kadir Adabi tidak memisahkan agama daripada politik. Sebaliknya mengemukakan Islam sebagai sistem nilai yang menyatukan bangsa Melayu dan membentuk identiti nasional yang berakar pada keadilan dan moraliti. Lunas-lunas Islam yang baik menjadi rujukan etika dalam menilai kepimpinan, keadilan sosial dan penentangan terhadap penjajahan. Pendekatan ini mengukuhkan hujah Al-Attas (1978) dan Milner yang menegaskan bahawa pembinaan identiti dan pemikiran politik Melayu tidak dapat dipisahkan daripada kerangka Islam sebenar. Pendapat Al Attas dan Milner mempunyai persamaan dengan Salihah (1972) menyatakan bahawa idealisme politik sentiasa berasas dan berpandu kepada keredaan agama yang diperjuangkan mengikut kesesuaian dan perkembangan politik semasa ketika itu. Misalnya dalam bab 16, "*TuanKu? Baginda Long Sulaimakah, TuanKu?*" Pengarang menggunakan watak baginda Raja Long Sulaiman atau pendeta Abdul Majid Cerang Tuli sebagai gambaran legitimasi politik dan penyatuan nasionalisme orang Melayu. Teras nilai-nilai Islam diolah dengan baik semasa baginda Long Sulaiman melihat kepimpinan Kampung Geting semakin punah kerana adikandanya sekarang Raja Geting diperkotak-katikkan oleh Datuk Syahbandar Othman. Raja Getting kini menjadi boneka dan telah diracuni. Selain itu, dalam bab "*Merentas Jaring*" pengarang berusaha untuk menjelaskan bahawa agama dan perjuangan politik tidak dapat dipisahkan dalam usaha penyatuan bangsa melalui semangat patriotisme. Misalnya melalui dialog Baginda Long Sulaiman semasa menjatuhkan hukuman kepada dua pembelot gulingan kuasa pemerintahan Baginda Long Abdul Rahman iaitu Sayyid Husin dan Sami Edeng.

"Bahawasanya engkau orang Arab yang engkau memasyhurkan dirimu daripada bangsa Sayyid, maka sepanjang pemeriksaanku adalah Baginda Long Abdul Rahman ini telah banyak mencurahkan limpah kurnia kepada engkau. Tetapi engkau berkianat juga kepadanya hingga beberapa banyak nyawa yang telah engkau padamkan dengan tangan dan helah daya engkau, dan seorang daripadanya iaitu Datuk Menteri Kg. Laut yang baharu hilang jiwanya di sempadan negeri itu... bukan kerana bangsa dan watan engkau kianatkan manusia, kerana engkau dagang di sini. Dan tidak bersangkutan apa pun engkau dengan watan dan bangsa kami, dan tidak juga kerana agama, dengan sebab agama engkau Islam seperti kami juga, satu mazhab dan satu fahaman, tiba-tiba engkau boleh mendatangkan tangan ke atas oran-orang kami."

Dan Kemudian ia berpaling kepada Sami Edeng dan bertitah: "Bahawasanya engkau sami Budha, mengikut taraf dan mazhab engkau dunia ini bukanlah berhak lagi engkau campuri. Sekarang lain sekali lakumu. Engkau telah berikhtiar dengan berbagai-bagai helah daya. Engkau bersekutu sama dengan penjut-penjut darah dan pembunuh-pembunuh manusia, hingga berapa banyak nyawa yang telah melayang. Oleh itu kedua engkau bukanlah orang yang layak lagi hidup di dalam dunia ini. Engkau berdua sekarang telah sabit kesalahan yang tiada hukman yang adil itu melainkan mati. (1988: 572-573)

Petikan di atas memperlihatkan saat kemuncak wacana politik Abdul Kadir Adabi apabila Baginda Long Abdul Rahman menjatuhkan hukuman mati terhadap dua tokoh iaitu Sayyid Husin berbangsa Arab dan seorang sami Buddha bernama Sami Edeng. Petikan ini penting kerana ia menzahirkan pemikiran politik Melayu-Islam yang matang, berteraskan keadilan, amanah pemerintahan dan keselamatan watan,

serta menolak perlindungan identiti agama atau bangsa sebagai alasan melepaskan jenayah politik oleh Baginda Long Sulaiman. Dari sudut pengadilan moral, pengkhianatan politik tidak boleh dimaafkan atas dasar agama atau keturunan. Walaupun watak Arab tersebut berkongsi agama Islam, mazhab dan fahaman yang sama dengan pemerintah dan rakyat, namun perbuatan mengkhianati negeri dan menyebabkan kehilangan nyawa tetap dianggap jenayah besar.

Prinsip ini sejajar dengan pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978) yang menegaskan bahawa keadilan dalam Islam berpaksikan adab dan amanah. Pandangan al-Attas juga menegaskan bahawa kezaliman dan pengkhianatan terhadap masyarakat tidak boleh dilindungi oleh identiti agama kerana ia mencemari makna keadilan itu sendiri. Dalam konteks ini, Abdul Kadir Adabi menampilkan Islam sebagai agama moral dan politik yang tegas terhadap pengkhianatan, bukannya bersifat dangkal. Penegasan bahawa watak Arab iaitu melalui watak Sayyid Husin tersebut ialah “*dagang di sini*” membawa makna penting dalam tradisi politik Melayu. Status dagang memberikan perlindungan dan ruang hidup, tetapi tidak melangkaui kewajipan taat setia kepada negeri yang ditumpangi bawah pemerintahan Baginda Abdul Rahman Raja di Raja. Anthony Milner (1982) menjelaskan bahawa budaya politik Melayu tradisional menilai kesetiaan berdasarkan hubungan dengan raja dan negeri, bukan asal-usul darah atau keturunan. Oleh itu, apabila seorang dagang mengkhianati raja dan membunuh rakyat, tindakannya dianggap melanggar kontrak moral-politik yang mendasari kewargaan tradisional. Abdul Kadir Adabi melalui dialog ini menegaskan bahawa watan dan keselamatan rakyat menjadi ukuran utama keabsahan seseorang dalam struktur politik.

Petikan di atas turut memperlihatkan pemisahan yang jelas antara agama dan jenayah politik. Baginda Long Abdul Rahman menegaskan bahawa hukuman tersebut “*bukan kerana agama*”, sama ada terhadap watak Arab Islam mahupun sami Buddha. Pendekatan ini memperlihatkan pemikiran politik yang rasional dan beretika, di mana kesalahan dinilai berdasarkan kesan sosial dan kemanusiaan, bukan kepercayaan peribadi. Talal Asad (2003) menjelaskan bahawa agama sering disalahgunakan sebagai perisai politik, sedangkan keadilan menuntut penilaian terhadap tindakan dan akibatnya. Dalam hal ini, Abdul Kadir Adabi mendahului zamannya dengan menampilkan raja Melayu yang menolak eksploitasi agama sebagai alasan keganasan. Hukuman mati yang dijatuhkan oleh Baginda Long Abdul Rahman digambarkan bukan sebagai kezaliman, tetapi sebagai tanggungjawab pemerintah untuk menjaga ketertiban sosial dan nyawa rakyat. Dalam tradisi pemikiran Islam klasik, pemerintah yang gagal menghukum perosak sosial dianggap menyumbang kepada keruntuhan tamadun. Ibn Khaldun (1993) menegaskan bahawa ketegasan pemerintah terhadap keganasan dan pengkhianatan merupakan syarat kelangsungan sesebuah negara. Selari dengan pandangan ini, Abdul Kadir Adabi menggambarkan hukuman mati sebagai langkah terakhir demi kepentingan umum, bukan sebagai tindakan balas dendam peribadi.

Watak Sami Edeng melambangkan bahaya campur tangan aktor luar yang memanipulasi agama dan kekerasan untuk merosakkan kestabilan politik. Dalam kerangka teori nasionalisme, ancaman seperti ini menggugat kesepaduan komuniti politik. Benedict Anderson (1983) menyatakan bahawa komuniti politik hanya dapat bertahan apabila kesetiaan kolektif tidak dipecahkan oleh keganasan terancang. Hukuman terhadap Sami Edeng menegaskan bahawa Abdul Kadir Adabi melihat keamanan dan perpaduan watan sebagai nilai tertinggi yang mesti dipertahankan. Petikan di atas memperlihatkan Abdul Kadir Adabi sebagai pengarang yang mengemukakan wacana politik Melayu-Islam yang tegas, adil dan tidak berkompromi terhadap pengkhianatan. Agama dan bangsa tidak dijadikan perisai jenayah. Status dagang terikat dengan amanah dan hukuman politik dilaksanakan demi keselamatan rakyat. Dengan sokongan pandangan tokoh seperti al-Attas, Milner, Talal Asad, Ibn Khaldun dan Benedict Anderson, jelas bahawa novel ini bukan sekadar karya sastera sejarah, tetapi teks pemikiran politik dan etika

pemerintahan Melayu awal abad ke-20. Selain itu, menurut Ismail (2017) dan Zariat. Zulkifli (2023) menjelaskan bahawa nilai-nilai novel *Acuman Mahkota* sentiasa relevan, malah boleh dijadikan rujukan untuk membina pemikiran politik dan sosial hari ini boleh dijadikan iktibar dan teladan.

### KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa *Achuman Mahkota* merupakan teks sastera yang berfungsi sebagai ruang perbincangan ideologi dan politik Melayu Islam. Dalam konteks ini, karya Abdul Kadir Adabi wajar dibaca semula bukan sekadar sebagai novel sejarah, tetapi sebagai dokumen pemikiran politik Melayu awal yang signifikan dan relevan. Bersesuaian dengan kenyataan Smyth, EJ dengan tegas mengatakan bahawa pihak pascamodernisme terlalu mementingkan teks dan pengarang sementara di suatu pihak yang lain menekankan kekuasaan khalayak, tetapi secara keseluruhannya mengabaikan sejarah dan biografi pengarang. Justeru, novel ini mengajak pembaca melihat sejarah dan memahami mesej tersirat tentang tanggungjawab moral, keberanian, dan prinsip amanah dalam kepemimpinan. Dengan memahami karya Abdul Kadir Adabi, pembaca dapat menilai secara kritikal bagaimana kepemimpinan yang baik dan patriotisme yang tulen boleh dicapai melalui keadilan, amanah, dan keberanian moral. Bagi memantapkan lagi keyakinan terhadap Abdul Kadir Adabi melalui *Acuman Mahkota*, beberapa langkah boleh diambil. Pertama, meningkatkan pendedahan dan pengajaran novel ini dalam kurikulum sekolah dan universiti agar generasi muda lebih memahami nilai kepemimpinan dan patriotisme yang tersirat dalam karya tersebut. Kedua, kajian lebih mendalam tentang ideologi politik dan sosial dalam novel ini boleh diterbitkan dalam bentuk artikel akademik dan seminar sastera, menjadikan karya Adabi sebagai rujukan utama dalam pembelajaran sastera Melayu moden. Ketiga, integrasi pembacaan kritikal yang mengaitkan sejarah, agama, dan politik dalam diskusi kelas atau forum awam akan membantu pembaca menghargai kepelbagaian mesej yang dibawa novel ini. Abdul Rahman Napiah (1994) menyatakan bahawa unsur-unsur sejarah itu telah dihidupkan oleh para penulis demi kepentingan dunia terkini. Sejarah tidak seharusnya hanya difotokopi atau suatu nostalgia, sebaliknya sebagai pembangunan idealisme baru untuk masyarakat sezaman. Akhir sekali, penggunaan pendekatan interdisiplin iaitu antara sejarah, sastera, politik, dan kajian Islam akan menonjolkan kepakaran dan visi pengarang sebagai intelektual Melayu awal yang radikal, tetapi relevan sepanjang zaman.

### RUJUKAN

- Abdul Kadir Adabi. 1988. *Acuman Mahkota*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Hanafiah. 1994. *Tuah-Jebat dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alatas, Syed Hussein. 1968. *The Problem of Corruption*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Alatas, Syed Hussein. 1977. *The Myth of the Lazy Native*. London: Frank Cass.
- Alatas, Syed Hussein. 1980. *Corruption: Its Nature, Causes and Functions*. Aldershot: Avebury.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Anderson, B. 1983. *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*. London: Verso.
- Arendt, Hannah. 1970. *On Violence*. New York: Harcourt Brace & Company.
- Foucault, Michel. 1980. *Power/Knowledge: Selected Interviews and Other Writings*. New York: Pantheon Books.
- Garvin, Harry R. 1980. *Romanticism, Modernism, Postmodernism*. London: Associated University Press.

- Hamdan, R. H. 2023. The development of Munshi Abdullah's framework of modernity in Malay literature. *Malay Literature*.
- Hutcheon, Linda. 1992. *A Poetics of Postmodernism: History, Theory, Fiction*. London: Routledge.
- Ibn Khaldun. 1993. *Muqaddimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail. 2017. Sastera nasional: Antara sastera Inggeris dan sastera Melayu. *Journal of Nusantara Studies*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Maria Mohd Ismail & Mohd Fazli Abdul Aziz. 2025. *Falsafah Patriotisme: Antara Kosmopolitanisme dengan Nasionalisme*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Milner, Anthony. 1982. *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*. Tucson: University of Arizona Press.
- Roff, William R. 1967. *The Origins of Malay Nationalism*. New Haven: Yale University Press.
- Sham Shul Bahri & Musa, R. 2021. Sorotan perjuangan nasionalisme Melayu Shamsul Amri Baharuddin. Dlm. *Politik Malaysia: Perspektif Teori Dua Ruang*.
- Shamsul Amri Baharuddin. 1986. *From British to Bumiputera Rule*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Smith, A. D. 1998. *Nationalism and Modernism*. London: Routledge.
- Smyth, E. D. 1991. *Postmodernism and Contemporary Fiction*. London: B.T. Batsford.
- Solihah Haji Yahya Zikri et al. 2024. Islam in the Malay history and culture. *International Journal of Modern Education*.
- Syed Hussein Alatas. 1980. *Corruption: Its Nature, Causes and Functions*. Aldershot: Avebury.
- Talal Asad. 2003. Dlm. *Formations of the Secular: Christianity, Islam, Modernity*. Stanford: Stanford University Press.
- Zariat Abdul Rani & Zulkifli Ismail. 2023. Islam in modern Malay literature.

## PENGHARGAAN

Penghargaan yang tidak terhingga kepada Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang memberi ruang dan peluang dalam menyelesaikan kajian ini.

### **Biodata Penyelidik:**

Norazan bin Mat Nor seorang pendidik di SMK Kedai Buloh dan penuntut tahun akhir Universiti Malaysia Kelantan dengan menyiapkan tesisnya yang bertajuk "Pemikiran Politik Abdul Kadir Adabi: Penelitian Terhadap Novel-Novel Terpilih 1920 hingga 1944."

Che Abdullah bin Che Ya merupakan pensyarah Kesusasteraan Moden di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Burhan Che Daud merupakan pensyarah kanan Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan.